

Jabatan Perkhidmatan
Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

1hb. Disember 1971

Tuan,

SURAT PEKELILING PEKHIDMATAN BIL. 20 TAHUN 1971

**Perlantikan calon-calon dari Warganegara ka-
jawatan Jurutera, Tingkatan Biasa
secara konterek**

Adalah dima'alomkan bahawa apabila terdapat kekosongan bagi jawatan Jurutera² di-masa² yang lepas maka Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sentiasa mengalami kesukaran mendapat chalon² untuk di-lantek bagi mengisi kekosongan itu. Ada-lah diperhatikan bahawa kesukaran ini di-alami oleh kerana kekurangan Jurutera² serta juga keengganan sa-tengah² daripada mereka untuk berkhidmat dengan Kerajaan oleh beberapa sebab yang tertentu. Sebagai satu daya bagi mengatasi kesukaran ini serta juga untuk menarek mereka berkhidmat dengan Kerajaan, maka ada-lah di-putuskan bahawa selain daripada perlantekan tetap mengikut syarat² yang biasa maka Jurutera² boleh juga di-tawarkan lantikan secara konterek menurut syarat² berikut:-

(a) **Gaji:** Akan di-bayar gaji seperti di-bawah dalam tangga gaji \$750, 1,100, 1,300 x 50 - 1,500/1,600 x 100 - 1,800:

(i)	Tanpa pengalaman	...	\$ 750.00
(ii)	Berpengalaman 1 tahun	...	\$1,100.00
(iii)	Berpengalaman 2 tahun	...	\$1,300.00
(iv)	Berpengalaman 3 tahun	...	\$1,350.00

(v)	Berpengalaman 4 tahun	...	\$1,400.00
(vi)	Berpengalaman 5 tahun	...	\$1,450.00
(vii)	Berpengalaman 6 tahun	...	\$1,500.00
(viii)	Berpengalaman 7 tahun	...	\$1,600.00
(ix)	Berpengalaman 8 tahun	...	\$1,700.00
(x)	Berpengalaman 9 tahun	...	\$1,800.00

dan ke-atas

- (b) **Ganjaran:** 15% daripada jumlah gaji yang di-bayar dalam tempoh konterek di-tolak charuman bahagian Kerajaan kepada K.W.S.P serta faedah2 keatas-nya.
- (c) **Kemudahan:** Kemudahan2 yang sama seperti yang di-beri kepada pegawai2 dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas seperti rumah Kerajaan, jika ada; chuti rehat; chuti sakit; elaun perjalanan dan kerja luar; kemudahan perubatan dan lain2 menurut peraturan2 yang sedang berkuatkuasa.
- (d) **Tempoh Konterek:** Selama 3 tahun, buat permulaan dan jika perkhidmatan mereka maseh di-kehendaki konterek mereka boleh di-perbaharui selama 2 tahun lagi.
- (e) **Lain-lain Syarat:** Di-kenakan juga syarat2 konterek yang biasa berkaitan dengan tanggungan2 pegawai2 konterek.

2. Syarat2 yang di-nyatakan dalam perenggan 1 di-atas boleh di-gunakan hanya bagi **perlantikan Jurutera2 untok jawatan2 dalam Tingkatan Biasa** sahaja dan di-hadkan pemakaiannya chuma kepada chalun2 yang terdiri daripada **Warganegara** Malaysia. Bagi Chalun2 bukan warganegara Malaysia tangga gaji dan syarat perkhidmatan yang di-pakai sekarang hendak-lah terus di-gunakan.

3. Ada-lah di-putuskan juga bahawa pegawai2 yang sedang berkhidmat yang berhajat hendak di-lantek sechara konterek mengikut syarat2 yang di-nyatakan di-atas **tidak akan di-benarkan bersara atas kepentingan negara** tetapi mereka boleh-lah meletakkan jawatan mereka sekarang. Mereka yang berbuat demikian boleh memohon untok di-lantek semula ka jawatan tetap apabila tamat konterek atau pembaharuan konterek mereka tetapi apabila mereka di-lantek kelak mereka akan di-bayar gaji permulaan di-dalam tangga gaji Jurutera.

4. Kerajaan telah juga membuat keputusan bahawa pegawai2 yang sedang berkhidmat yang terdiri daripada bekas penuntut2 Kerajaan yang belum lagi memenohi tempoh perkhidmatan mengikut perjanjian dengan Kerajaan dan penuntut2 Kerajaan yang terikat dengan perjanjian untok berkhidmat dengan Kerajaan **tidak di-benarkan memohon** untok di-lantek sechara konterek.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. NOOR BIN ABU OSMAN)
Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Semua Ketua2 Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua2 Jabatan Persekutuan.

S.k. Yang Berhormat
Setiausaha2 Kerajaan Negeri
Malaysia Barat.